

Zizie Izette mengaku terima RM2.8 juta - Saksi

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini semalam diberitahu, Datin Seri Zizie Izette A. Samad pernah memaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerima 'wang pengenalan' RM2.8 juta berhubung pelaburan Felcra dalam unit amanah Public Mutual.

Penguasa Kanan SPRM Mohd. Haris Ibrahim, 42, yang juga saksi pendakwaan ke-27, berkata, Zizie Izette menyatakan wang tersebut diterima daripada ejen pelaburan, Norhaili Ahmad Mokhtar.

Beliau yang juga pegawai

penyiasat kes bagaimanapun berkata tidak mengingati berapa kali Zizie Izette memaklumkan demikian ketika SPRM merakam percakapannya pada Julai 2016 bagi membantu siasatan kes rasuah suaminya, Datuk Seri Bung Mokhtar Radin.

Pada perbincangan lalu, Norhaili yang juga perunding unit amanah memberitahu mahkamah, pelakon itu layak mendapat wang pengenalan RM2.8 juta selepas Felcra bersetuju melabur RM150 juta dalam unit amanah bank itu.

Norhaili, 45, berkata, Zizie Izette yang juga kenalannya berhak mendapat wang tersebut

selepas memperkenalkan beliau kepada suaminya yang ketika itu Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra dan seorang lagi pegawai kanan agensi tersebut.

Norhaili menjelaskan, sebanyak RM2.2 juta dibayar secara tunai di Public Bank Taman Melawati manakala selebihnya kira-kira RM800,000 dipecahkan dalam bentuk pelaburan yang dibayar semula ke dalam akaun unit amanah Public Mutual milik Zizie Izette.

Dalam keterangannya semalam, Mohd. Haris turut berkata, dia tidak mengetahui sama ada Norhaili dan seorang

lagi ejen pelaburan, Madhi Abdul Hamid berada dalam tekanan ketika memberi percakapan bagi membantu siasatan.

Menurut Mohd. Haris, beliau melengkapkan kertas siasatan dan mengemukakan syor kepada pendakwaan agar Bung Mokhtar dan Zizie Izette didakwa.

Ketika disoal balas peguam Datuk K. Kumaraendran mewakili Zizie Izette, beliau bersetuju mereka memberi keterangan berdasarkan percakapan lanjut yang diberikan kepada SPRM pada Februari 2021.

Pada akhir prosiding, Chin How memohon perbincangan dis-

ambung pada tarikh yang telah ditetapkan bagi membolehkan pihak pendakwaan mendapat arahan lanjut sama ada untuk memanggil pegawai perakam memberi keterangan.

Jika tiada lagi saksi akan dipanggil, pihak pendakwaan akan menutup kes pada hari tersebut.

Perbincangan di hadapan Hakim Rozina Ayob bersambung 17 Mei ini.

Pada 3 Mei 2019, Bung Mokhtar mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2.2 juta dan RM262,500 manakala Zizie Izette dituduh bersubahat.